

23/03/2003

Perang AS - Iraq: Penderitaan kejam bagi Iraq, melompat-lompat keseronokan

TEGAS seorang paderi Inggeris dalam satu khutbahnya pada tahun 1887 bahawa peperangan bukan saja penderitaan dan kekejaman tetapi juga satu kegembiraan kerana kedua-dua itu, pemimpin yang terasa gagah melancar perang. Peperangan Iraq-Amerika Syarikat yang masuk hari keempat pagi ini tidak terkecuali.

Madah Santayana pula: "Peperangan adalah jenayah positif pemimpin". Perang Iraq bagi Amerika, Britain, Australia dan penyokong-penyokong mereka termasuk beberapa negara Arab sendiri yang memberi bantuan dan mengizinkan watan dan angkasa mereka dijadikan sebagai pangkalan serangan terhadap bangsa serumpun dan seagama bukan satu perang yang salah tetapi yang wajib, walaupun sebenarnya tindakan mereka tanpa restu Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu satu crime, satu jenayah positif, seperti kata Santayana.

Satu jenayah terhadap kemanusiaan, rakyat Iraq yang tidak berdosa itu, satu demonstrasi keganasan yang angkuh, buli terhadap mereka yang lemah. Juga satu amaran bagi negara-negara yang tidak mahu jadi pak turut Amerika dan sekutu-sekutunya baik Arab atau bukan Arab.

Bangsa Arab terus berpecah dengan pelbagai matlamat politik yang memudahkan Amerika dan Britain mengamalkan dasar pecah dan perintah (divide and rule). Tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya di Doha akhir tahun 2000 bahawa "kehormatan dan kemuliaan Islam kini menghadapi serangan ganas oleh musuh - Muslim Honour and Dignity Under Assault.

Amat benar dan nyata.

PBB diasaskan bagi menghentikan peperangan, sebagai pembela dan penaung negara-negara kecil, tetapi Iraq memberi bukti bahawa PBB telah hilang pengaruhnya sekali gus PBB tidak lagi mampu melindungi negara kecil daripada dibuli oleh kuasa terunggul. Inilah akibatnya apabila alam ini sudah menjadi unipolar (tiada penentangan) bukan lagi bipolar (ada perbezaan yang meningkatkan antara dua sistem pemerintahan).

Kemenangan berpihak kepada buli, tapi mereka telah hilang kredibiliti, moral highground, muhibah, kalah keamanan bagi satu masa yang panjang.

Apa akan berlaku selepas mereka tawan dan menjadikan Iraq berpadang lapang atau tiah? Satu yang pasti ialah mereka tidak akan dapat menangkap Saddam bernyawa (hidup-hidup)! Baginya, keluarganya dan rakan seperjuangan mereka bersikap biar putih tulang, tidak berputih mata.

Kalau Saddam ditawan hidup, ia akan sama ada: ditembak mati terus, dibicara seperti Slobodan Milosevic atau ala Nuremberg, tetapi AS dan Britain akan terdedah kepada tuduhan satu mahkamah pihak menang yang cuba

menghalalkan dendam; serahnya kepada orang Iraq yang benci dan dendami Saddam (musuhnya ramai).

Mengikut Joshua Greene, pengarang Justice at Dachau: The Trials of An American Prosecutor senario di atas tidak akan berlaku (Herald Tribune - Jumaat, 21 Mac). Pada pendapatnya, besar kemungkinan Saddam akan dibicara

oleh Mahkamah Military (tentera) seperti berlaku kepada sahabat-sahabat dan ko-pemimpin-pemimpin Nazi di Dachau, di selatan Bandar Nuremburg, Jerman.

AS dan Britain seperti dunia telah tahu menyerang dan melakukan satu peperangan yang tidak disokong oleh negara-negara yang bertamadun, bak kata Greene: tiada konsensus (sebulat suara) dari "the community of civilized nations."

Apa pun, mereka tidak akan berjaya menemui Saddam hidup-hidup. AS menang

perang pun mereka tetap dilanda pelbagai masalah politik, sosial dan ekonomi. Inilah negara yang mengecam negara-negara lain kerana kononnya rekod hak asasi manusia tidak baik tetapi menegak kerajaan beraja yang mutlak (bukan berperlembagaan), menahan penentang-penentangannya di Guantanamo Bay, 100 kali dahsyat dan kejam daripada tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Mereka kecam Malaysia tetapi tidak pula Singapura! Seperti periuk mengatakan kualiti hitam, sebenarnya mereka yang lebih atas nama keselamatan. Negara lain pun ada kepentingan keselamatan juga.

Peperangan AS - Iraq memulakan sejarah baru dalam hubungan antarabangsa.

AS bila-bila saja boleh menyerang kuasa dan pemimpin yang mereka tidak setuju. Kononnya selepas mereka tawan Iraq mereka akan membawa demokrasi ke seluruh Timur Tengah seperti wujud di Israel. Masakan AS sanggup berbuat demikian di Arab Saudi dan negara-negara Teluk, sesetengahnya sekutu mereka. Mungkin di Iraq tetapi saya tidak fikir itu matlamat AS sebenarnya.

Iraq akan dibangunkan kembali tetapi dalam satu penyusunan semula itu saya kira beberapa negara akan turut berubah. AS telah pun (sebelum perang tamat) memberi kontrak kepada kroni pemimpin-pemimpinnya membuat bisnes di

Iraq dan juga konsensi minyak.